

02/05/1999

Cuepacs minta naikan pencen

Raihanah Abdullah

KUALA LUMPUR: Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) meminta kerajaan menaikkan pencen minimum kepada kira-kira 10,000 pesara kerajaan peringkat rendah di negara ini.

Presiden Cuepacs, N Siva Subramaniam, berkata kesatuan mencadangkan supaya pencen minimum itu dinaikkan daripada RM180 kepada RM250 sebulan kepada pesara terbabit.

Beliau berkata, kesatuan berhasrat mengemukakan cadangan itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, secepat mungkin.

Katanya, sejak 15 tahun lalu, pesara kerajaan peringkat rendah hanya menerima pencen minimum sejumlah RM180 dan jumlah itu tidak lagi sesuai ketika ini berikutan kenaikan taraf hidup.

Menurutnya, kenaikan itu juga nanti dipercayai dapat membantu meringankan beban dan perbelanjaan pesara kerajaan yang semakin meningkat sejak kebelakangan ini.

"Oleh itu, Cuepacs merayu kepada Perdana Menteri supaya meluluskan cadangan itu demi membantu pesara perkhidmatan awam yang menerima pencen minimum berjumlah RM180 sebulan," katanya kepada Berita Minggu.

Beliau berpendapat, pencen minimum ketika ini tidak banyak membantu pesara kakitangan awam apatah lagi dalam menghadapi kegawatan ekonomi dan kenaikan harga barangan di pasaran.

Justeru, beliau berharap kerajaan menimbangkan cadangan itu bagi membantu pesara kerajaan peringkat rendah memperolehi pencen minimum lebih tinggi.

Sementara itu, sempena Hari Buruh Sedunia, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) pula akan mengemukakan cadangan kepada kerajaan supaya meminda Undang-Undang berhubung Akta Pekerjaan bagi mewajibkan semua majikan di negara ini mewujudkan taska di tempat kerja.

Presiden MTUC, Senator Zainal Rampak, berkata cadangan itu akan dikemukakan segera kerana usaha mewujudkan taska di tempat kerja boleh menguntungkan pekerja dan majikan dalam jangka masa panjang.

Beliau berkata, sejak usaha memperkenalkan taska di tempat kerja diperkenalkan 20 tahun lalu, hanya lima peratus majikan yang menyediakan kemudahan itu kepada kakitangan mereka.

Menurutnya, sebahagian besar majikan memandang ringan dan sambil lewa usaha itu walaupun taska di tempat kerja dapat meringankan beban perbelanjaan pasangan suami isteri.

Katanya, kadar bayaran menempatkan anak di rumah orang lain membabitkan perbelanjaan antara RM300 dan RM400 seorang ketika ini.

"Pendapatan pekerja yang terpaksa diagih-agihkan kepada beberapa pinjaman seperti kereta, rumah dan perbelanjaan harian menjadikan gaji pekerja habis begitu saja," katanya.

Zainal berkata, sebahagian besar majikan memberi alasan kos penubuhan taska di tempat kerja terlalu tinggi sedangkan ia boleh mendatangkan keuntungan kepada majikan dan meningkatkan produktiviti pekerja.

Beliau berpendapat, taska di tempat kerja juga dapat menghilangkan perasaan runsing dan bimbang ibu bapa terhadap keselamatan anak mereka.

(END)